

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2017
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DEWAN SERI LESTARI, ARAS B1, KKLW

**9 JANUARI 2017, ISNIN
WAKTU KETIBAAN : 2.30 PETANG**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi
dan
YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian
YBhg. Dato' Azizan bin Haji Mohd Sidin
YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailaini bin Muhamed Yunus
YBhg. Datin Seri Elena Chiang bt. Abdullah

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Rakan-rakan media

YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan untuk sama-sama berkumpul pada pagi yang barakah ini pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2017. Rasanya masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2017 kepada seluruh warga KKLW, jabatan dan agensi yang hadir hari ini. Alhamdulillah, dengan kedatangan 2017 ini bermakna kita telah meninggalkan tahun 2016 dengan membawa bersama pelbagai pencapaian yang membanggakan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga Kementerian, jabatan dan agensi yang telah bertungkus-lumus dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program-program KKLW sepanjang tahun 2016 yang lalu.

2. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar semua pihak dapat meneruskan usaha gigih dan dinamik bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan program-program Kementerian yang dirancang untuk tahun 2017 ini. Saya juga meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada seluruh warga KKLW dan agensi-agensi di bawahnya agar sentiasa memastikan agenda pembangunan luar bandar diletakkan sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan KKLW bagi tahun ini.

IMBASAN PENCAPAIAN KKLW 2016

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Bagi tahun 2016 lalu, jumlah peruntukan (diubahsuai) yang diluluskan untuk kementerian ini adalah RM9.825 billion iaitu masing-masing RM5.259 billion untuk Bajet Mengurus dan RM4.565 billion untuk Bajet Pembangunan. Berdasarkan jumlah Bajet Pembangunan, sebanyak RM2.295 billion iaitu 50.3% telah diperuntukkan untuk pelaksanaan prasarana luar bandar dan baki sebanyak RM2.270 billion iaitu 49.7% adalah untuk pelaksanaan program-program lain.

4. Alhamdulillah, berkat daripada hasil perancangan dan usaha gigih semua pihak, kita bukan sahaja telah berjaya melepasi sasaran pelaksanaan projek-projek prasarana, malahan turut cemerlang dalam pelaksanaan program-program *touch points* meliputi pembangunan belia, ekonomi, modal insan, keusahawan, sistem penyampaian dan program-program peningkatan pendapatan yang dapat mengurangkan beban kos sara hidup masyarakat dan belia luar bandar selari dengan transformasi 'Membandarkan Luar Bandar' yang kita gunakan.

5. Dari tempoh **Januari sehingga Disember 2016**, Kementerian telah berjaya melakar pencapaian-pencapaian membanggakan seperti berikut:-

i) PROGRAM PRASARANA

- Sebanyak RM2.287 billion iaitu 99.6% telah dibelanjakan bagi penyediaan infrastruktur asas, aksesibiliti dan perhubungan (*connectivity*) bagi memastikan penduduk luar bandar menikmati kemudahan seperti mana yang dinikmati oleh masyarakat bandar.
- Bagi Projek Jalan Luar Bandar, sasaran adalah 370 km namun Kementerian telah berjaya menyiapkan jalan luar bandar sepanjang 382 km iaitu 103.2%.
- Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) turut meningkat dengan pencapaian kepada sebanyak 4,429 unit rumah iaitu 147.6% berbanding sasaran iaitu 3,000 unit.
- Manakala bagi Projek Ameniti Sosial (PAMS) pula, sasaran pada 2016 hanya 300 unit tetapi KKLW telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,003 unit sekali gus mencatat peratusan tertinggi iaitu 334.4%.

ii) PROGRAM MOBILEPRENEUR

- Seramai 500 peserta telah mendapat manfaat daripada peruntukan RM5 juta bagi pelaksanaan Program *Mobilepreneur* sepanjang 2016.

Bantuan yang diberikan adalah berbentuk geran sebanyak RM10,000 yang meliputi Kursus Asas Keusahawanan dan sebuah motosikal yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian perniagaan yang dijalankan beserta sebuah *tool kit*.

- Menerusi Fasa 1, hasil analisa mencatatkan bahawa purata pendapatan yang diperolehi oleh 70 orang peserta di 3 buah negeri iaitu Pahang (30 peserta), Negeri Sembilan (20 peserta) dan Kelantan (20 peserta) boleh mencecah sehingga RM1,500 sebulan.

iii) TUISYEN RAKYAT@KKLW

- Sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan menerusi program Tuisyen Rakyat@KKLW iaitu bantuan pendidikan kelas bimbingan tambahan selaras dengan hasrat Kementerian untuk mempertingkatkan tahap penguasaan mata pelajaran dan pencapaian akademik para pelajar di kawasan luar bandar.
- Seramai 22,068 pelajar luar bandar daripada keluarga berpendapatan di bawah RM3,500 dan berprestasi sederhana atau lemah telah menerima manfaat daripada program ini merangkumi 581 pusat Tuisyen Rakyat@KKLW di seluruh negara yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian.

iv) RUMAH BINA NEGARA

- Pelaksanaan Rumah Bina Negara (Rumah BN) secara berkelompok menerusi FELCRA Berhad dan secara individu oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi membolehkan masyarakat luar bandar terutama generasi kedua memiliki rumah mampu milik, selamat dan kondusif dengan hanya ansuran pinjaan pada kadar antara RM250 hingga RM500 sebulan.
- 142 buah Rumah BN telah berjaya disiapkan sepanjang tahun 2016.

v) TABIKA BERPRESTASI TINGGI

- Sehingga Disember 2016, terdapat sebanyak 11,188 buah kelas Tabika di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan seramai 11,002 orang Pemaju Masyarakat atau guru serta 221,074 orang kanak-kanak.
- Menerusi Transformasi Tabika KEMAS yang dilancarkan pada 22 Ogos 2016, program Tabika Berprestasi Tinggi (TBT) diwujudkan bertujuan meningkatkan tahap kecemerlangan kanak-kanak dan supaya Tabika KEMAS menjadi pilihan utama para ibu bapa.
- Silibus pembelajaran ditambahbaik dengan memperkenalkan tiga (3) modul utama iaitu Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI), Pemupukan Semangat Patriotik dan Keyakinan Diri.
- Bagi Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI), seramai 6,999 orang Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS telah dilatih manakala sebanyak 8,103 Tabika KEMAS telah mula melaksanakan pembelajaran modul ini. Baki sebanyak 1,914 Tabika KEMAS akan mula menggunakan modul ini pada tahun 2017.
- Bagi Modul Pemupukan Semangat Patriotik pula, sebanyak 5,000 Tabika KEMAS telah menggunakan modul ini dan disasarkan pada tahun 2017, sebanyak 6,188 Tabika KEMAS akan menggunakan modul berkenaan.
- Manakala bagi Modul Keyakinan Diri yang disepadukan berasaskan 6 tunjang dalam Kurikulum Standard PraSekolah Kebangsaan (KSPK), 6 aspirasi murid yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) akan mula digunakan oleh 600 Tabika KEMAS mulai tahun 2017 ini.

vi) MARA DIGITAL

- KKLW melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah berjaya mewujudkan sebanyak dua (2) buah MARA Digital di Bangunan MARA, Kuala Lumpur dan Anggerik Mall, Shah Alam.
- Pada 2016, sebanyak 1,680 peluang pekerjaan dan 560 peluang perniagaan kepada para usahawan Bumiputera telah diwujudkan dengan keseluruhan nilai jualan sebanyak kira-kira RM15.49 juta.
- Usaha untuk memberi peluang kepada usahawan bumiputera menceburi perniagaan produk teknologi maklumat ini akan diteruskan lagi dengan pembukaan MARA Digital di Glo Mall, Selangor, Plaza Paya Bunga, Kuala Terengganu, Terengganu dan di Wisma Air, Melaka pada tahun 2017 ini.

vii) PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

- Sehingga kini, terdapat seramai 77,626 orang penuntut TVET yang sedang menuntut di GIATMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), *MARA Japan Industrial Institute* (MJII) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).
- Sejumlah RM150 juta telah diperuntukan untuk pelaksanaan program TVET di IKM, KKTM, GIATMARA dan UniKL dengan sasaran menjelang tahun 2020, seramai 60% daripada 1.5 juta pekerja baharu adalah berkemahiran TVET.
- Pengenalan Diploma Teknousahawan Rekabentuk dan Pengeluaran Perabot serta Diploma Teknousahawan Percetakan Fabrik oleh IKM dan KKTM.
- 26 program peningkatan Sijil kepada Diploma dalam pelbagai bidang telah dilaksanakan di 11 IKM untuk para pelajar lepasan IKM dan KKTM. Antara bidang yang terlibat ialah bidang Elektrik, Automotif, Mekanikal, Mekanikal Servis, Kimpalan, Minyak dan Gas, Kejuruteraan Awam dan Tekno Usahawan.
- Jumlah enrolmen untuk keseluruhan program TVET adalah seramai 16,281 pelajar iaitu masing-masing seramai 7,825 orang pelajar KKTM dan 8,456 orang pelajar IKM.

viii) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PEMBAIKAN TABIKA KEMAS

- Pembaikan 17 unit Tabika KEMAS telah dilaksanakan menerusi sumber pembiayaan terkumpul berjumlah RM2.514 juta di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang melibatkan KEMAS, Pejabat KKLW Negeri, GIATMARA, anak-anak syarikat agensi di bawah KKLW serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) manakala baki akan dilaksanakan sepenuhnya pada 2017.

ix) PEMBANGUNAN ORANG ASLI

- RM136.05 juta telah dibelanjakan dalam pelaksanaan program dan projek pembangunan Orang Asli meliputi prasarana, ekonomi, pembangunan usahawan, pembangunan modal insan dan Sistem Pengurusan Maklumat Orang Asli.
- Sehingga 2016, terdapat sebanyak 853 kampung Orang Asli dengan keluasan 137,295.42 hektar yang diiktiraf oleh JAKOA dan sejumlah RM1.4 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja ukur yang melibatkan 20 buah kampung.
- 534 usahawan Orang Asli telah dilahirkan dengan bantuan premis perniagaan, bantuan peralatan, kursus perniagaan dan pendaftaran perniagaan.
- Menerusi Program Ijazah Luar Negara (PILN), JAKOA bekerjasama dengan MARA yang telah membiayai 10 orang pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke luar negara pada tahun 2016.

PERANCANGAN KKLW TAHUN 2017

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hadirin yang saya muliakan,

6. Sungguhpun pada keseluruhannya kita dapat mencapai kejayaan dalam pelaksanaan hampir kesemua projek dan program yang disasarkan pada tahun 2016, tidak bererti kita sudah boleh berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Masih banyak usaha yang perlu kita lakukan demi kesinambungan Transformasi Membandarkan Luar Bandar ini, masih banyak lagi perancangan khusus yang perlu kita rangka untuk memastikan pembangunan luar bandar dapat diteruskan dengan lebih holistik dan berkesan.

7. Justeru, bagi tahun 2017 ini, Kementerian akan meneruskan inisiatif Transformasi Luar Bandar dengan memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program *touch points* yang bersifat *Rakyat Centric* dan boleh dilaksanakan dalam tempoh yang segera. Ini dapat memastikan masyarakat luar bandar memperoleh manfaat menyeluruh sama ada dari segi prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Ia juga bagi memastikan bantuan-bantuan tersebut dirasai oleh masyarakat luar bandar dan memenuhi keperluan dan kehendak golongan yang disasarkan. Bagi memastikan pelaksanaan projek dan program tersebut secara lebih efisien, sesetengah projek dan program tersebut akan dilaksanakan secara NBOS oleh agensi-agensinya pelaksana.

8. Menerusi Bajet 2017, Kementerian akan menggunakan **jumlah keseluruhan peruntukan RM5.83 billion untuk Bajet Pembangunan yang diluluskan** bagi melaksanakan program-program dan projek-projek seperti berikut:

- (i) Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan jambatan dengan peruntukan sebanyak RM284 juta bagi 208 kilometer dan Jalan Luar Bandar (JALB) dengan peruntukan sebanyak RM887.82 juta bagi 220 kilometer;
- (ii) Bekalan Air Luar Bandar (BALB) untuk 3,000 unit rumah dengan peruntukan RM632.4 juta. Program BALB dijangka mencapai sasaran liputan bekalan air sebanyak 100% dalam tempoh 8 tahun berdasarkan unjuran peningkatan liputan sebanyak 5.5% untuk setiap tahun bermula tahun 2015;
- (iii) Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk 10,000 unit rumah dengan peruntukan RM462 juta;
- (iv) Pemasangan 100,000 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) masing-masing sebanyak 97,000 unit lampu neon dan 3,000 unit lampu LED dengan peruntukan RM100 juta;
- (v) Projek Ameniti Sosial (PAMS) dengan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi 300 projek;
- (vi) Projek bina baru dan baik pulih rumah usang/daif termasuk rumah Orang Asli (OA) dengan peruntukan RM350 juta. Dianggarkan sebanyak 2,100 rumah bina baharu akan dilaksanakan, manakala sebanyak 12,500 buah rumah untuk projek baik pulih akan dilaksanakan (nisbah 15% bina baharu : 85% baik pulih);
- (vii) Pembinaan Rumah Bina Negara dengan peruntukkan sebanyak RM200 juta masing-masing sebanyak 100 juta untuk FELCRA Berhad bagi membina sebanyak 2,000 unit rumah secara kelompok dan sebanyak RM100 juta untuk RISDA bagi membina 5,000 unit rumah secara individu;
- (viii) Pelaksanaan *Program Mobilepreneur* dengan peruntukan RM30 juta untuk 3,000 belia luar bandar dengan peruntukan RM10,000 setiap peserta bagi memulakan perniagaan mereka;
- (ix) Perkhidmatan bas luar bandar MARA Liner dengan diperuntukkan sebanyak RM23 juta untuk pembelian sebanyak 22 buah bas. Jumlah ini juga termasuk kerja-kerja menaik taraf 10 buah bengkel di seluruh negara;
- (x) Pembiayaan perniagaan dengan peruntukan RM120 juta di bawah MARA bagi tujuan pembiayaan perniagaan golongan usahawan, usahawan wanita termasuklah usahawan belia. Di samping itu, institusi di bawah MARA seperti

UniKL, *German Malaysia Institute* (GMI), Institut Kemahiran MARA dan GIATMARA menawarkan kursus-kursus dan modul pendidikan baharu di dalam bidang Teknikal dan Vokasional (TVET) selaras dengan permintaan dalam bidang tersebut;

- (xi) Program Penilaian dan Kaunseling/Bimbingan Usahawan di bawah MARA dengan peruntukan sebanyak RM27.68 juta meliputi program latihan dan bimbingan usahawan, pembangunan semula premis perniagaan serta program transformasi industri halal (TIH). Dijangka seramai 1,500 usahan baru dan 16,700 usahawan sedia ada akan menerima manfaat dari program ini. Manakala, sebanyak 73 lot premis perniagaan akan dinaiktaraf dan seramai 150 usahawan akan menerima manfaat dari program TIH ini;

(xi) Pemberian biasiswa MARA dengan peruntukan RM2 billion;

- (xii) meneruskan pelaksanaan projek pembinaan MRSM dengan peruntukan sebanyak RM29.25 juta termasuk RM50 juta untuk kerja-kerja senggaraan. Kementerian juga bersetuju untuk menurunkan syarat minima kemasukan ke MRSM kepada 3A, 3B bagi pelajar di Semenanjung dan 3A, 2B, 1C untuk pelajar di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, kelulusan khas diberi kepada pelajar miskin tegar dan OKU;

- (xiii) Program-program usahawan desa melalui kursus *Quick-win* oleh KEMAS iaitu kursus kemahiran belia jangka pendek dan bekalan kit peralatan kepada peserta kursus seramai kira-kira 3,840 orang;

- (xiv) Projek sambungan pembangunan masyarakat Orang Asli dengan peruntukan RM115.9 juta merangkumi program/projek dan peruntukan seperti:-

- (a) Kerja-kerja Ukur Tanah bagi 22 kampung melibatkan 8,483 hektar - RM1.5 juta;
- (b) Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Sg. Siput yang meliputi bekalan elektrik, pusat pentadbiran mini, pembinaan jalan - RM20 juta;
- (c) Pembangunan Penempatan Orang Asli Sg. Ruil, Cameron Highlands termasuk projek *cascade* dan *monsoon drain* - RM2 juta;
- (d) Projek Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia melibatkan Projek Prasarana di 136 kampung - RM20 juta;
- (e) Projek Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Gua Musang, Kelantan termasuk pengambilan balik tanah dan Program Bantuan Rumah - RM20 juta);

- (f) Projek Pembangunan Ekonomi meliputi pertanian dan perladangan - RM5 juta);
 - (g) Program Pembangunan Usahawan kepada 120 usahawan - RM2 juta);
 - (h) Projek Bekalan Air Terawat bagi 58 kampung – RM40 juta);
 - (i) Membina dan menaiktaraf Pusat Latihan Kemahiran Orang Asli Paya Bungor - RM4.1 juta); dan
 - (j) Sistem Pengurusan Maklumat Orang Asli yang meliputi pembangunan sistem dan banciaan populasi berjumlah RM1.3 juta).
- xvi) Biasiswa dan Bantuan Keperluan Diri Program Ijazah Luar Negara (PILN) Pelajar Orang Asli yang melibatkan seramai 320 orang ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 15 orang melalui PILN – RM4.321 juta). Manakala bagi pelajar swasta pula, elaun makan/minum akan diberikan.
- xvii) Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Rompin, Pahang meliputi keperluan persekolahan pelajar, program kecemerlangan akademik/ko-kurikulum, wang saku pelajar – RM0.139 juta);
- xviii) Program Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) Orang Asli termasuk penganjuran majlis, wang suguhati Anugerah UPSR, SPM & STPM, Tokoh Pelajar Cemerlang IPT bagi 219 orang pelajar cemerlang – RM0.100 juta);
- xiv) Program Kualiti Hidup – Kebajikan Orang Asli:-
- (a) Bantuan Kebajikan Am dan Bantuan Kebajikan Perubatan Kesihatan Orang Asli bagi 1,211 orang ahli isi rumah – RM0.200 juta);
 - (b) Elaun Tok Batin/ Penghulu berjumlah RM900 kepada 604 orang melibatkan kos sebanyak RM5.77 juta);
 - (c) Program Modal Insan dan Program Bersama Komuniti Orang Asli Pelbagai Negeri melibatkan 68,000 Orang Asli – RM14.97 juta);
 - (d) Program Peningkatan Taraf Kualiti Hidup Orang Asli bagi Menangani Kos Sara Hidup termasuk wang saku pelajar, tambangan pengangkutan, input pertanian dan bakul makanan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM17.5 juta)

RUMUSAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, para hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Program-program *touch points* yang akan dilaksanakan oleh kementerian ini adalah selari dengan tema Transformasi Luar Bandar iaitu 'Membandarkan Luar Bandar', yang telah dibincangkan secara khusus menerusi Mesyuarat Khas YB

Menteri Bersama Pengurus Program atau Retreat KKLW yang telah kita adakan pada 8 hingga 10 Disember 2016 yang lalu.

10. Justeru, saya amat mengharapkan agar impak pelaksanaan program-program ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti infrastruktur, pembangunan modal insan, pertambahan aktiviti ekonomi dan menggalakkan generasi muda untuk terus kekal menetap dan membina masa depan di luar bandar. Saya amat yakin, dengan usaha gigih, kerjasama dan komitmen oleh semua pihak, kita akan dapat mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan.

PENUTUP

Para hadirin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya kali ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan seramai lapan (8) orang pegawai baru yang telah melapor diri pada bulan Disember 2016 yang lalu. Semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu menggerakkan jentera Kementerian sekaligus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga majlis kita pada hari ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan seterusnya menjadi pemangkin semangat untuk kita memajukan masyarakat luar bandar secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhiyah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.